






MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

PELAWAAN BAGI KERJA – KERJA MEMBEKAL DAN MENUKAR ALAT PEMADAM API YANG TELAH MELEBIHI JANGKA HAYAT 10 TAHUN BAGI ALAT PEMADAM API (APA) MUDAH ALIH DI PREMIS-PREMIS MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

- Sukacita dimaklumkan bahawa, pihak Majlis akan melaksanakan perolehan bekalan/~~perkhidmatan~~ bagi kerja-kerja membekal dan menukar alat pemadam api yang telah melebihi jangka hayat 10 tahun bagi alat pemadam api (APA) mudah alih di premis-premis Majlis Bandaraya Subang Jaya
- Oleh yang demikian tuan/puan adalah dipelawa untuk mengemukakan **surat sebut harga** bagi kerja perolehan bekalan/~~perkhidmatan~~ tersebut mengikut huraian skop kerja yang ditetapkan seperti di lampiran A.
- **Tempoh bekalan/~~perkhidmatan~~ yang ditetapkan adalah selama Tiga Puluh (30) Hari dari tarikh Surat Tawaran dikeluarkan.**
- Sekiranya berminat, tuan/puan diminta untuk menyerahkan maklumat lengkap seperti senarai berikut dan hantar ke Jabatan Khidmat Pengurusan melalui serahan tangan pada atau sebelum **26 Jun 2026**.
 1. **Surat Sebut Harga (menggunakan *letterhead* syarikat)** bagi kerja-kerja membekal dan menukar alat pemadam api yang telah melebihi jangka hayat 10 tahun bagi alat pemadam api (APA) mudah alih di premis-premis Majlis Bandaraya Subang Jaya mengikut spesifikasi dan skop kerja seperti di Lampiran A.
 2. Satu (1) Salinan sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 3. Mengisi maklumat - Lampiran 6 (Surat Akuan Pembida)
 4. Salinan Sijil Pematuhan Cukai (TCC)
 4. Satu (1) salinan sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan kod bidang berkaitan:-
120602- Pertahanan Dan Keselamatan / Perlindungan Kebakaran / Peralatan Kawalan Api

A1. SKOP KERJA MENGIKUT TEMPOH MASA YANG DITETAPKAN

Kerja-Kerja Membekal Dan Menukar Alat Pemadam Api Yang Telah Melebihi Jangka Hayat 10 Tahun Bagi Alat Pemadam Api (APA) Mudah Alih Di Premis-Premis Majlis Bandaraya Subang Jaya

BIL	HURAIAN KERJA DAN SPESIFIKASI	UNIT	KUANTITI
1.	<p>Membekal dan memasang : Alat Pemadam Api Mudah Alih Debu Kering (<i>Dry Powder</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Warna Tabung Merah • Dilabel dengan warna BIRU • Berat Bersih Kandungan 9 KG • Kandungan bahan kimia : Sodium Bicarbonate – (97%) Magnesium Stearate – (1.5%) Magnesium Carbinat – (1.0%) Tri Calcium Phospate – (0.5%) • Jarak Pancutan 4-6 meter Jangka Hayat tabung – 10 tahun 	 <p>Tabung</p>	12
2.	<p>Membekal dan memasang : Alat Pemadam Api Mudah Alih Karbon Dioksida (CO2)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Warna Tabung Merah • Dilabel dengan warna HITAM • Berat Bersih Kandungan 2 KG • Kandungan bahan kimia : Cecair CO2 – (100%) • Jarak Pancutan 2 meter Jangka Hayat tabung – 10 tahun 	 <p>Tabung</p>	10
3.	Pendaftaran Efies Online Dan Sijil Pengesahan Jabatan BOMBA	 <p>Helaian</p>	22

TEMPOH BEKALAN (DITETAPKAN): TIGA PULUH (30) HARI

A2. SPESIFIKASI TEKNIKAL

Skop bekalan yang ditawarkan hendaklah termasuk perkara-perkara berikut:-

A) SYARAT-SYARAT AM BEKALAN

1. KEADAAN BARANG

Barang-barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru, pembuatan pada tahun semasa, tidak tamat tempoh, belum digunakan dan menepati mutu yang telah ditetapkan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih meliputi semua kos perbelanjaan termasuk cukai-cukai yang berkaitan, pengangkutan, pemasangan, pembungkusan dan lain-lain. Harga hendaklah dalam Ringgit Malaysia (RM).

3. PEMERIKSAAN

i) Majlis Bandaraya Subang Jaya berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan

ii) Petender hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

4. PENOLAKAN

i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui akan ditolak.

ii) Atas sebab-sebab (i) di atas, petender hendaklah membayar balik kepada Majlis Bandaraya Subang Jaya segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.

5. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Petender adalah dikehendaki membuat perakuan bahawa bekalan yang dibekalkan adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

6. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan petender bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan yang mungkin timbul mengenai Sebut harga atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

7. PEMBUNGKUSAN

Kos pembungkusan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.

Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh petender.

8. PUNCA BEKALAN

Jika barang-barang tidak dibeli terus daripada pengeluar, petender hendaklah menyatakan nama pembekal yang akan membekalkan Alat Pemadam Api yang diminta.

9. PERATURAN PEMBAYARAN

Pembayaran hanya akan dibuat setelah pihak Majlis berpuashati dengan pesanan yang dibuat dan setelah semua penghantaran selesai dan dalam keadaan sempurna. Bayaran akan dilaksanakan secara Interim mengikut Kuantiti yang dipesan berdasarkan Jadual Penghantaran.

Pembayaran akan dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM). Pembayaran akan dibuat di setiap peringkat berdasarkan amaun yang ditetapkan di Jadual Harga setelah pembekal membekal dan menghantar sepenuhnya kuantiti yang dikehendaki di peringkat penghantaran tersebut

10. INSURANS

Tiada apa-apa insuran atas barang-barang dalam perjalanan dari negeri pembekal atau dalam Malaysia boleh dimasukkan dalam Sebut Harga.

11. BARANG-BARANG “EX-STOCK” ATAU BARANG-BARANG KELUARAN DALAM NEGERI

a) Cukai

Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk semua jenis cukai berkaitan.

b) Pembungkusan

- i) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk belanja pembungkusan.
- ii) Kehilangan atau kerosakan akibat pembungkusan yang tidak cukup atau cacat, hendaklah diganti oleh pembekal.

c) Pengenalan

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu hendaklah ditunjukkan (jika berkenaan).

12. BARANG-BARANG YANG DIIMPORT DARIPADA LUAR NEGERI

a) Cukai

Harga hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai yang berkaitan. Jenis-jenis cukai hendaklah ditunjukkan secara berasingan.

b) Matawang

Harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

c) Punca Bekalan Jika barang-barang tidak dibeli terus dari pengilang/pengeluar, sila nyatakan nama dan alamat pembekal di mana barang-barang itu akan diperolehi.

d) Pembungkusan

- i) Barang-barang hendaklah dibungkus dan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut kelaziman perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
- ii) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk belanja pembungkusan.
- iii) Kehilangan atau kerosakan akibat dari pembungkusan yang tidak cukup atau cacat hendaklah diganti oleh petender.

B) SYARAT-SYARAT KHAS

1. SENARAI KUANTITI DAN SPESIFIKASI BEKALAN

- 1.1 Pihak Majlis boleh mengubah penentuan spesifikasi dan pembekalan yang ditawarkan jika perlu. Perubahan spesifikasi ini akan dimaklumkan kepada Petender melalui laman web Majlis/ surat/ telefon sekiranya ada.
- 1.2 Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab terhadap apa juga kelewatan untuk membuat cadangan spesifikasi bekalan & harga serta kelewatan menghantar dokumen sokongan Petender.

2. HARGA TAWARAN

- 2.1 Harga yang ditawarkan adalah harga tetap dan harga bersih dan dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan ia hendaklah termasuk semua kos menghantar memungkah, mengangkut dan membungkus.
- 2.2 Penilaian harga antara Petender adalah berasaskan kepada jumlah harga keseluruhan. Sekiranya timbul masalah berhubung pengiraan harga, harga seunit tiap-tiap item akan diambil kira. Jika terdapat perbezaan jumlah dalam bentuk angka dan perkataan, **jumlah dalam bentuk perkataan akan diambil kira.**

3. BARANGAN

- 3.1 Semua barangan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.
- 3.2 Spesifikasi Membekal Dan Menghantar Alat Pemadam Api Untuk Kegunaan Majlis Bandaraya Subang Jaya hendaklah merujuk kepada **Jadual Senarai Kuantiti**. Semua barangan hendaklah mengikut spesifikasi dan juga jenama yang dikehendaki oleh pihak Majlis atau barangan yang setara dengannya.
- 3.3 Majlis adalah sentiasa berhak mengkehendaki barang-barang itu, diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa sama pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- 3.4 Petender hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

4. TEMPOH SIAP KERJA

- 4.1 Petender yang berjaya **WAJIB** mematuhi tempoh siap kerja sepertimana yang terkandung di dalam dokumen sebut harga kerja-kerja membekal dan menukar alat pemadam api yang telah melebihi jangka hayat 10 tahun bagi alat pemadam api (APA) mudah alih di premis-premis Majlis Bandaraya Subang Jaya.
- 4.2 Petender yang berjaya perlu menyediakan dan menanggung risiko kos barang tersebut, buruh, pengangkutan dan segala yang perlu bagi membekal dan menghantar barang tersebut ke Majlis.
- 4.3 **Pihak Petender diminta untuk menghantar Alat Pemadam Api yang ditempah oleh pihak Majlis secara bertulis dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh surat arahan/SMS/panggilan telefon kerja dikeluarkan oleh pihak Majlis.**
- 4.4 **Pihak Petender perlu menawarkan tempoh jaminan (warranty) penggantian alat pemadam api (APA) dalam tempoh tujuh (7) hari bermula daripada tarikh cap inbois yang diterima sekiranya kesilapan bukan berpunca daripada pihak Majlis.**
- 4.5 Petender akan menanggung Fi bagi penyediaan Dokumen Perjanjian Kontrak sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Sila rujuk Jadual Fi Bayaran.
- 4.5 **Petender hendaklah mematuhi kadar harga seunit (RM) seperti yang dinyatakan dalam senarai kuantiti sepanjang tempoh kontrak tanpa mengenakan apa-apa bayaran/caj tambahan kepada pihak Majlis sekiranya berlaku kenaikan harga.**

JADUAL KADAR POTONGAN ATAU DENDA YANG DIKENAKAN KEPADA KONTRAKTOR / PEMBEKAL YANG LEWAT MENGEMUKAKAN TUNTUTAN MENGIKUT JUMLAH SATU TUNTUTAN

Bil	Perkara
1.	❖ Kadar denda sebanyak RM 10.00 sehari akan dikenakan terhadap kontraktor dimana ianya akan ditolak daripada jumlah bayaran interim tersebut, dan
2.	❖ Jumlah kadar denda terkumpul maksimum yang boleh dikenakan kepada kontraktor / pembekal adalah sebanyak 1% (satu peratus) daripada jumlah sesuatu tuntutan.

KADAR DENDA BAGI BEKALAN/PERKHIDMATAN YANG TIDAK MENGIKUT TEMPOH BEKALAN/PERKHIDMATAN DAN SPESIFIKASI

Syarikat boleh dikenakan denda seperti berikut mengikut kes (merujuk PK 4.2 Perkara 9.10.3 (a) dan (b) :

1. Jika syarikat lewat menyerahkan peralatan alat pemadam api (APA) dalam tempoh masa yang ditetapkan, Majlis boleh menerima peralatan tersebut dan mengenakan bayaran berdenda kepada syarikat mengikut formula berikut :

$$\frac{V(T + D)}{T} \times 5\%$$

V: Nilai harga peralatan yang lewat dibekalkan;
T: Tempoh bekalan mengikut kontrak dalam hari; dan
D: Bilangan hari yang lewat.

2. Setelah penerimaan peralatan alat pemadam api (APA) sempurna dan didapati peralatan/bahan rendah kualiti daripada spesifikasi, Majlis boleh meminta syarikat menggantikan peralatan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh Majlis.

Pihak Majlis akan mengenakan denda sebanyak 1% daripada harga peralatan/bahan itu pada setiap 7 hari bekerja kelewatan tetapi tidak melebihi 5% daripada harga peralatan/bahan tersebut.

3. Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan bekalan/perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada Majlis dengan menggunakan formula berikut:

$$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$$

SURAT AKUAN PEMBIDA

PELAWAAN BAGI KERJA – KERJA MEMBEKAL DAN MENUKAR ALAT PEMADAM API YANG TELAH MELEBIHI JANGKA HAYAT 10 TAHUN BAGI ALAT PEMADAM API (APA) MUDAH ALIH DI PREMIS-PREMIS MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Saya,(Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan..... yang mewakili(Nama Syarikat) nombor Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa :

- 3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cop Syarikat :

Catatan:

- (i) *Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] .
- (ii) **Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.